

| | | |
|-------------|---------------|--------------------|
| Terima | Wasit | Muat Naik e-Jurnal |
| 05 JUN 2021 | 12 JULAI 2021 | 22 SEPT 2021 |

Keperluan Penganjuran Majlis Hafazan kepada Penghafaz al-Quran

Requisition in Organizing Memorization Competition to Memorizer of Quran

Hadfina Muhammad Haron Husaini¹, Mohd Faizulamri Mohd Saad²,
Sabri bin Mohamad³

ABSTRAK

Majlis Hafazan al-Quran merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Artikel ini membincangkan tentang sejarah penganjuran, skema pemarkahan, keperluan penganjuran dan perkara lain yang berkaitan. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian secara analisis kandungan dan temubual. Seramai 6 orang informan yang terdiri daripada peserta Majlis Hafazan al-Quran telah ditemubual. Selanjutnya, data yang diperolehi ini dihuraikan secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa penganjuran Majlis Menghafaz al-Quran peringkat Kebangsaan ini perlu diteruskan untuk kebaikan huffaz di Malaysia.

Kata Kunci : Keperluan, Majlis Hafazan, Penghafaz al-Quran.

ABSTRACT

Quranic Memorization Competition was considered as annual event that organized by Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). This article discussing about the history of organization, marking scheme, requisition and so forth that relevant. This qualitative study implementing the pattern of study by analyzing contents and interviewing. As many as 6 informants that comprising from Quranic Memorization Competition participants have been interviewed. In additional, the deducted data being elaborated descriptively. The study findings indicated that organization of National Level of Quranic Memorization Competition should be prosecuted for the virtue of 'huffaz' in Malaysia.

Keywords: Requisition, Memorization Competition, Memorizer of Quran

Pengenalan

Musabaqah tahfiz al Quran adalah platform kepada penghafaz al-Quran untuk menjaga hafazan mereka. (Khairul Anuar 2016). Menurut Hafiz et al. (2003) mengatakan bahawa musabaqah hafazan seumpama ini menyebabkan seseorang itu mendapat motivasi untuk mengulang hafazannya secara berulang kali. Walaubagaimanapun, para hafiz hafizah yang menyertai musabaqah ini hendaklah menjaga keikhlasan hati agar tidak meletakkan hadiah, ganjaran, atau gelaran johan pertandingan sebagai matlamat utama (Siti Suriyani 2018). Selain itu, terdapat

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. p98354@siswa.ukm.edu.my

² Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. faizam@ukm.edu.my

³ Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. sabri_m@ukm.edu.my

ulasan dari hakim munabbih yang mengatakan bahawa terdapat peserta hafazan yang mengabaikan hukum hakam tajwid dalam pembacaan mereka kerana mungkin sudah terbiasa berbuat demikian semasa mengulang hafazan, (Khairul Anuar 2020). Tambahan pula, Khairul Anuar (2020) mengatakan bahawa terdapat beberapa peserta bagi kategori 1-30 juzuk yang tidak dapat menjawab soalan tafsir dengan baik

Sehubungan dengan itu, Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan telah diadakan saban tahun di bawah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Acara ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu 1-10 juzuk beserta tarannum, 1-20 juzuk dan 1-30 juzuk beserta tafsir. Setiap negeri dikehendaki untuk menghantar wakil bagi setiap kategori untuk bertanding ke peringkat kebangsaan. Peserta akan diadili oleh para hakim yang arif dari segi hafaz lancar, tajwid, fasahah, tarannum, suara dan pesembahan beserta tafsir.

Sejarah Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Program Tahfiz al-Quran bermula apabila wujudnya Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid di Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1966. Aktiviti ini lahir atas ilham dan kehendak Perdana Menteri Malaysia yang pertama YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Cadangan ini disuarakan oleh YTM Tunku semasa Majlis Perasmian Masjid Negara pada 27 Ogos 1965 yang mahukan sebuah Institut Pengajian al-Quran diwujudkan. Idea ini timbul sebagai kesinambungan program Musabaqah al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta cadangan daripada Rektor Universiti al-Azhar, Sheikh Mahmud Syaltut.

Pada tahun 1979, Kerajaan Malaysia menganjurkan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat kebangsaan buat pertama kalinya yang diurus oleh JAKIM. Pelaksanaannya dikelolakan oleh Jawatankuasa Induk Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman umat Islam mengenai kaedah menghafaz al-Quran dengan baik dan mendalami serta menghayati pengajaran yang terkandung di dalam al-Quran. Majlis ini juga bermatlamat untuk mencungkil kecenderungan generasi muda supaya cintakan al-Quran. Sehingga tahun 2016 ia diadakan secara berasingan dari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat kebangsaan.

Tahun 2017 menyaksikan sejarah dicipta buat julung kalinya Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan secara serentak dan dikenali sebagai Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK). Negeri Melaka amat bertuah kerana terpilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran julung kali Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) bagi tahun 1438H/2017M dengan menjadikan Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka sebagai tempat penganjuran yang berprestij tinggi.

Penganjuran MTHQK 1438H / 2017M merupakan Kerjasama Strategi Lautan Biru (NBOS) di antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kerajaan Negeri Melaka dan beberapa jabatan/agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri. Jaringan kerjasama ini membuktikan komitmen Kerajaan dalam menerapkan budaya minat membaca al-Quran dan memahami intipatinya, seterusnya menjadi rujukan dalam segenap kehidupan.

Sumber: JAKIM

Skema Pemarkahan Musabaqah Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan

Jadual 1: Kategori 1-10 Juzu'

| | |
|-----------------------|-----------|
| Hafaz dan Lancar | 50 markah |
| Tajwid | 20 markah |
| Fasahah | 15 markah |
| Tarannum | 5 markah |
| Suara dan Persembahan | 10 markah |

Markah Hafazan : 60%

Markah Tarannum : 40%

Markah Keseluruhan: 100%

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jadual 2: Kategori 1-10 Juzu' (Tarannum Khas)

| | |
|--------------------------|-----------|
| Hafaz dan Lancar | 50 markah |
| Tajwid | 20 markah |
| Fasahah | 15 markah |
| Tarannum | 15 markah |
| Suara dan Persembahan | 10 markah |

Markah Keseluruhan: 40%

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Berdasarkan Jadual 1 dan 2, terdapat dua skema pemarkahan untuk peserta kategori hafazan 1-10 juzu'. Peserta akan diberi markah dari segi hafaz lancar, tajwid, fasahah, tarannum, suara dan persembahan. Hafaz lancar ialah 50 markah, tajwid 20 markah, fasahah 15 markah, tarannum 5 markah serta suara dan persembahan 10 markah. Peserta 1-10 juzuk perlu membaca ayat dengan tarannum khas pada soalan yang terakhir kerana markah tarannum tersebut ialah 40% dari keseluruhan markah. Oleh itu, amatlah penting bagi peserta 1-10 juzuk untuk mempunyai kemahiran tarannum.

Jadual 3: Kategori 1-20 Juzu'

| | |
|-----------------------|-----------|
| Hafaz dan Lancar | 50 markah |
| Tajwid | 20 markah |
| Fasahah | 15 markah |
| Tarannum | 5 markah |
| Suara dan Persembahan | 10 markah |

Markah Keseluruhan: 100%

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Selain itu, bagi peserta kategori hafazan 1-20 juzuk, mereka akan dinilai dari segi hafaz lancar, tajwid, fasahah, tarannum serta suara dan pesembahan. Hafaz lancar ialah 50 markah, tajwid 20 markah, fasahah 15 markah, tarannum 5 markah serta suara dan pesembahan 10 markah. Peserta 1-20 juzuk tidak mempunyai penilaian tambahan seperti peserta 1-10 juzuk yang perlu mempunyai kemahiran tarannum. Berdasarkan jadual 3 ini, kita dapat lihat bahawa hafaz dan lancar menyumbang markah yang paling tinggi. Oleh itu, peserta 1-20 juzuk perlu mempunyai daya hafaz lancar yang kukuh agar dapat menjawab soalan dengan baik.

Jadual 4: Kategori 1-30 Juzu'

| | |
|-----------------------|-----------|
| Hafaz dan Lancar | 45 markah |
| Tajwid | 20 markah |
| Fasahah | 15 markah |
| Tarannum | 5 markah |
| Suara dan Persembahan | 10 markah |
| Tafsir | 5 markah |

Markah Keseluruhan: 100%

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Bagi peserta kategori hafazan 1-30 juzuk, mereka akan dinilai dari segi hafaz lancar, tajwid, fasahah, tarannum, suara dan pesembahan beserta tafsir. Bahagian hafaz lancar ialah 45 markah, tajwid 20 markah, fasahah 15 markah, tarannum 5 markah, suara dan pesembahan 10 markah serta tafsir 5 markah. Peserta 1-30 perlu mempunyai kemampuan menjawab tafsir dengan baik kerana bahagian tafsir adalah soalan wajib yang akan ditanya oleh hakim. Berdasarkan jadual 4, sungguhpun bahagian tafsir hanya 5 markah, berdasarkan pemerhatian pengkaji sepanjang musabqah hafazan ini berlangsung, peserta 1-30 juzuk yang berjaya menjawab soalan tafsir dengan baik akan melayakkan dirinya memperoleh johan dalam musaqah hafazan.

Keperluan Musabqah Hafazan al Quran kepada Penghafaz al-Quran

1. Menguji tahap hafazan dan mengingat Al-Quran.

Antara tanggungjawab seorang penghafaz al-Quran adalah sentiasa berusaha untuk menjaga hafazannya dengan baik. Menurut Zulkifli (2013) berpendapat bahawa sememangnya menjadi kewajiban bagi penghafaz al-Quran untuk menjaga hafazan al-Quran demi mengekalkan ketinggian *maqam* disisi Allah SWT. Menurut Abdurrahman (1994) menghafaz al-Quran berbeza dengan menghafaz syair atau prosa kerana al-Quran itu cepat sekali hilang dari ingatan.

Sememangnya manusia mudah lupa sekiranya pengabaian daripada muraja'ah atau pengulangan dilakukan (Zulkifli 2013). Oleh kerana itu, dia mesti sentiasa mengulanginya dan berusaha dengan gigih mempertahankan hafalan al-Qurannya supaya hafalan itu berkekalan (Abdurrahman 1994). Antara cara menguatkan ingatan ialah dengan mendekati diri kepada Allah serta memperbanyakkan pengulangan secara berulang. Musabqah tahfiz al Quran merupakan medium kepada penghafaz al-Quran dalam menjaga hafazan mereka. (Khairul Anuar 2016). Hal ini turut dipersetujui oleh PK2 dan PK3 sebagaimana kata mereka:

“Musabaqah ini sebenarnya satu wasilah untuk kita mengingat al-Quran dengan sebaik-baiknya. Musabaqah memberi semangat untuk mengulang al-Quran kerana sebagai seorang manusia kita sering leka dalam menghafaz kalamullah”

“Musabaqah sebagai batu loncatan untuk kita ingat Al-Quran sebab kalau kita selesa di sekolah atau maahad sahaja, maka kita punya pencapaian setakat itu sahaja lah”

2. Peserta diberi tunjuk ajar oleh guru yang berpengalaman semasa bengkel persediaan.

Peserta yang mengambil bahagian dalam Musabaqah Hafazan Peringkat Kebangsaan perlu menghadiri bengkel persediaan sebelum hari pertandingan. Mereka dilatih oleh guru-guru jemputan yang berpengalaman dalam bidang tajwid, hafaz lancar, fasahah, lagu tarannum dan sebagainya. Sebagaimana yang dikatakan oleh PK1 dan PK6 :

“Bengkel yang dibuat itu akan memanggil ustaz yang sangat mutqin. Kita akan dapat tips dari mereka, dari segi hafazan, tajwid, mahupun fasahah, lagu tarannum”

“Guru-guru di bengkel persediaan mengajar teknik-teknik untuk mengingat al-Quran, cara untuk tenang di atas pentas, paling seronok apabila sering diberi motivasi untuk terus berdamping dengan al-Quran. Juga dilakukan ujian antara peserta-peserta untuk lebih memberi keyakinan apabila berada di pertandingan yang sebenar.”

Semasa bengkel berlangsung, para peserta akan mempunyai pengalaman simulasi musabaqah supaya mereka boleh mendapatkan gambaran yang sebenar sepanjang musabaqah berlangsung. Hal ini akan dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk menyertai pertandingan. Sebagaimana yang dikatakan oleh PK2 dan PK5:

“Kita akan nampak flow daripada musabaqah ini maksudnya, 10 juzuk macam mana, 20 juzuk macam mana, 30 juzuk macam mana, cara menjawab.. Saya datang bengkel untuk polish bacaan, tajwid, fasahah dan guru-guru akan lebih tekankan ayat mutasyabihat lah”

“Setiap kali bengkel kami akan belajar aspek penting dalam musabaqah seperti aspek pemarkahan. Saya lebih yakin untuk upgrade diri, bila kita dah tahu apa nak dibaiki, akan tingkatan keyakinan untuk musabaqah. Di samping itu, ketika bengkel turut diadakan mock musabaqah”

3. Memupuk keberanian untuk membaca al-Quran di khalayak ramai.

Mengalunkan bacaan di khalayak ramai semestinya memerlukan keyakinan dan keberanian yang tinggi. Apabila peserta berasa cemas dan kurang yakin, ia akan memberi kesan kepada kualiti bacaan. Penyertaan dalam musabaqah hafazan ini sedikit sebanyak akan dapat memupuk keberanian untuk mempersembahkan bacaan yang baik di khalayak ramai. Bacaan yang berkualiti akan menarik minat orang untuk mendengar ayat suci al-Quran sekaligus ia boleh menjadi salah satu dakwah. PK6 ada mengatakan:

“Musabaqah dapat melatih keberanian di hadapan orang ramai. Saya juga ingin bersama menyertai dan menjayakan program Al-Quran bagi memupuk minat lebih ramai lagi untuk lebih dekat dengan Al-Quran”

Tenang ketika membaca ayat di atas pentas adalah faktor utama untuk membaca ayat al-Quran dengan baik. Apabila membaca ayat dalam keadaan yang gemuruh, ia akan memberi kesan kepada kualiti bacaan. PK2 dan PK5 ada mengatakan:

“Bacaan akan terganggu apabila kita tak tenang. Maknanya, nafas akan jadi pendek, panjang pendek bacaan pun terganggu disebabkan oleh gemuruh. Sebabe kena tenang supaya tak ganggu fokus.

“Jika kita terlalu gemuruh, ayat yang senang pun akan baca salah. Gemuruh ni akan beri kesan kepada kualiti hafazan. Kalau kita terlalu gemuruh, hafazan akan hilang dan bacaan akan jadi salah.”

4. Menambah kenalan

Majlis Hafazan al-Quran diwakili oleh peserta-peserta yang mewakili setiap daerah, negeri mahupun negara jika di pentas antarabangsa. Peserta akan dapat menambah kenalan yang turut bersama-sama dalam menyertai musabaqah. Perkara ini turut dikongsi oleh PK4 dan PK6 ketika pengalamannya mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa:

“Ketika itu ada wakil Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia. Saya dapat kawan baru. Seronok.”

“Bila masuk pertandingan antarabangsa, mencabar tu bila bawa negara Malaysia ke negara orang. Kena berentap dengan peserta-peserta hebat dari negara lain.”

PK6 turut menambah:

“Saya dapat mengenali peserta-peserta dari negeri lain di pentas kebangsaan”

Selain itu, mereka juga dapat bertukar pandangan untuk pemantapan hafazan. Memilih rakan hafiz atau hafizah yang mempunyai daya ingatan yang kuat akan dapat membantu seseorang untuk lebih istiqamah dalam mengulang hafazan kerana semangat daya saing untuk berlumba-lumba membacanya (Ismail Salleh 2020). Perkara ini turut disokong oleh PK1 dan PK2 iaitu:

“Kawan-kawan ni kita akan cari apabila kita bukan sahaja dalam keadaan kita gembira, jadi bila kita stress pun kita akan jumpa kawan kita untuk berkongsi masalah. Contohnya bila kita stress tak dapat nak lancarkan ayat sekian sekian atau mukasurat sekian sekian maka kita mengadu atau meminta tips hafazan untuk ke arah yang lebih baik”

“Kawan-kawan support.. dia kata ‘enta masyi quran’ so boleh lah untuk masuk untuk mengukuhkan hafazan. Quran ni bukan pertandingan semata-mata tapi sebenarnya galakan tu datang daripada diorang dan diorang pun menggalakkan saya jugak”

Kesimpulan

Kesimpulannya, Majlis Hafazan al-Quran memberi banyak manfaat kepada huffaz di Malaysia. Antaranya ialah menguji tahap hafazan serta mengingat al-Quran, peserta menerima tunjuk ajar daripada guru yang berpengalaman, dapat memupuk keberanian untuk membaca al-Quran di khalayak ramai serta dapat menambah kenalan. Selain itu, peserta yang berjaya

dalam musabaqah ini juga boleh dijadikan contoh tauladan kepada orang lain. Musabaqah hafazan ini semestinya memerlukan tenaga kerja dari pelbagai pihak seperti peserta, ibu bapa, guru hafazan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Semoga usaha murni ini dipandang oleh Allah SWT dalam menjaga kalamNya.

Rujukan

- Abdullah, Murihah & Abdullah, Abdul & Rosman, Arieff & Ilias, Mohd. (2015). *Strategi Awal Menghafaz Al-Quran Menurut Abu Dzar Al-Qalamuni*.
- Abdurrahman. 1994. *Kaedah Menghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn Bhd.
- Hafiz, Ajmain, Ismail etl. 2003 *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Salleh <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/11/753701/metodologi-penting-bantu-huffaz-kekalkan-hafazan> [Metodologi penting untuk bantu huffaz kekalkan hafazan : 13 November 2020]
- <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/11-bahagian-khidmat-pengurusan/938-majlis-tilawah-dan-menghafaz-al-quran-peringkat-kebangsaan-tahun-2017>
- <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/23-pejabat-ketua-pengarah/2338-majlis-tilawah-dan-menghafaz-al-quran-peringkat-kebangsaan-mthqk-tahun-1441h-2020m>
- <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/32-bahagian-perhubungan/1404-majlis-tilawah-dan-menghafaz-al-quran-peringkat-kebangsaan-mthqk-tahun-1439h-2018m>
- <http://www.islam.gov.my/en/berita-semasa/11-bahagian-khidmat-pengurusan/343-kualiti-peserta-semakin-meningkat-saban-tahun-kp-jakim>
- <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/1856-kenyataan-media-yab-menteri-besar-negeri-sembilan-dan-yb-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-berkenaan-majlis-tilawah-dan-menghafaz-al-quran-peringkat-kebangsaan-tahun-1440h-2019m>
- <https://www.facebook.com/mitst02/posts/info-keputusan-penuh-majlis-menghafaz-al-quran-peringkat-kebangsaan-kali-ke-37-b/1146107672066333/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya, Malaysia. 2020.
- Khairul Anuar Mohamad, temubual, 10 Februari 2020.
- Khairul Anuar Mohamad. 2016. *Sistem Kawalan Kualiti Huffaz. Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, Darul Quran JAKIM & Centre of Quranic Research (CQR). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Siti Suriyani Sulaiman. 2018. *Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. E-Journal of Islamic Thought and Understanding Volume 2 Issue 1. Melaka: Akademi Pengajian Islam Kontemporari*. Universiti Teknologi MARA.
- Zulkifli. 2013. *Hafazan al-Quran*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.
- Zulkifli. 2013. *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.